



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN POLA KOMUNIKASI KELUARGA DENGAN GAYA
KEIBUBAAPAN DAN KEJELEKITAN DALAM KELUARGA**

AZIYAH BT ABU BAKAR

FBMK 2008 24



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN POLA KOMUNIKASI KELUARGA DENGAN GAYA
KEIBUBAPAAN DAN KEJELEKITAN DALAM KELUARGA**

Oleh

AZIYAH BT ABU BAKAR

Ogos 2008

Pengerusi : Profesor Madya Abdul Mua'ti @ Zamri bin Ahmad, PhD

Fakulti : Bahasa Moden Dan Komunikasi

Pola komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam perkembangan sesebuah keluarga. Ia dilihat bukan sekadar satu cara untuk berhubung, tetapi turut dijadikan alat pengukur untuk mengetahui setakat mana kebahagiaan dan keharmonian dalam keluarga terutama dalam hubungan ibubapa-anak. Kajian ini telah mengenal pasti gaya keibubapaan (gaya autoritarian dan gaya demokratik) dan kejelekitan dalam keluarga (kesepakatan, bertolak ansur, pernyataan kasih sayang) sebagai faktor yang boleh mempengaruhi pola komunikasi keluarga.

Objektif khusus kajian ini adalah bagi (1) mengenal pasti pola komunikasi keluarga responden, (2) mengenal pasti gaya keibubapaan responden, (3) mengenal pasti tahap kejelekitan dalam keluarga responden, dan (4) mengenal pasti perkaitan antara gaya keibubapaan dan kejelekitan dalam keluarga dengan pola komunikasi keluarga responden. Interaksi dalam komunikasi keluarga ini adalah berdasarkan model koorientasi.

Sampel ($n = 390$) sama ada ibu atau bapa yang terdiri dari 'keluarga lengkap' adalah merupakan sampel kajian ini. Data telah dikumpulkan secara kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Data yang terkumpul telah dianalisis menggunakan SPSS (Ver. 15) dengan prosedur statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, median dan sisihan piawai. Statistik inferensi juga digunakan untuk menerangkan hubungan antara pembolehubah yang dikaji iaitu dengan menggunakan statistik Korelasi Spearman rho.

Hasil kajian menunjukkan responden kajian ini menggunakan kedua-dua pola komunikasi keluarga orientasi *conversation* dan orientasi *conformity* yang tinggi. Analisis korelasi Spearman menunjukkan gaya demokratik, kesepakatan, bertolak ansur dan pernyataan kasih sayang berkait secara signifikan dengan komunikasi orientasi *conversation*. Manakala gaya autoritarian, kesepakatan, bertolak ansur dan pernyataan kasih sayang berkait secara signifikan dengan komunikasi orientasi *conformity*.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati kesepakatan, bertolak ansur dan pernyataan kasih sayang yang berkait dengan pola komunikasi keluarga orientasi *conversation* dan orientasi *conformity* dan gaya demokratik yang berkait dengan pola komunikasi keluarga orientasi *conversation* dalam keluarga dapat menimbulkan impak positif kepada fungsi dan kesejahteraan ahli keluarga. Manakala gaya autoritarian yang berkait dengan pola komunikasi keluarga orientasi *conformity* menimbulkan impak yang sebaliknya. Adalah dicadangkan kajian selanjutnya dilakukan dengan menggunakan pembolehubah-pembolehubah lain yang dapat dikaitkan dengan pola komunikasi keluarga.

Thesis abstract submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in Partial Fulfillment of the Requirement for the Degree of Master of Science

Relationships between Family Communication Patterns with Parenting Style and Family Cohesiveness

By

Aziyah bt Abu Bakar

August 2008

Chairman : **Associate Professor Abdul Mua'ti @ Zamri bin Ahmad, PhD**

Faculty : **Faculty of Modern Languages and Communication**

Family communication pattern plays a vital role in family development. It is not only viewed as a way to communicate, but it is also used as a tool to measure happiness and harmony in a family, especially on the relationship between parents-children. This study has identified a few parenting styles (authoritarian and democratic styles) and family cohesiveness (agreement, thoughtfulness, affection) as the factors that can contribute towards family communication pattern.

The specific objectives of this study are to: (1) identify respondents' family communication pattern, (2) identify respondent's parenting styles, (3) determine the level of cohesiveness within the respondents' family, and (4) identify the relationship between parenting style and family cohesiveness with respondents' family communication pattern. The focus of this study is on the interaction in the families, based on Coorientation Model.



The samples of the study are either a mother or a father from a 'complete family' (n= 390) selected through purposive sampling. Data was collected using a survey method. The *SPSS* (Ver. 15) was used to analyse the data. The procedure includes descriptive statistic; percentage, frequency counts, median and standard deviation. Inferential statistics using Spearman's rho Correlation was also used to analyse the data.

Results show that respondents used high level conversation and conformity orientations. Spearman's correlation analysis shows there is a significant relation between democratic style, cohesion, adaptability and expressiveness with conversation orientation. While authoritarian style, cohesion, adaptability and expressiveness have significant relation with conformity orientation.

In conclusion, this study found that agreement, thoughtfulness and affection, are related to family communication pattern of conversation and conformity orientations; democratic style that is related to family communication pattern of conversation orientation in a family is able to contribute towards the emergence of positive impact on family member's role and well-being. In contrast, authoritarian style that relates to family communication pattern of conformity orientation tend to give rise towards the opposing impact. Thus, there is a need to conduct further studies on other variables that are related to family communication pattern.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, sujud dan syukur kehadiran Allah s.w.t dengan berkat keizinan dan kekuatan daripadaNya, akhirnya tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri bin Ahmad selaku Pengerusi Penyeliaan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dengan rasa terhutang budi yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis iaitu kepada Dr. Narimah Ismail dan Dr. Jusang Bolong yang sentiasa tidak pernah jemu memberi berbagai-bagai bimbingan, idea, tunjuk ajar, teguran, dorongan, semangat, nasihat dan pandangan yang sangat berguna di sepanjang penghasilan tesis ini. Didikan dan pengalaman yang ditimba ini akan menjadi titik-tolak untuk mencapai kejayaan seterusnya.

Tidak lupa juga kepada semua pensyarah di Jabatan Komunikasi terutama kepada Prof. Madya Dr. Siti Zobidah Omar selaku Ketua Jabatan Komunikasi di FBMK yang banyak memberi perangsang, sokongan dan galakan; Prof. Madya Dr Ezhar Tamam, Prof. Dr. Musa Abu Hassan, Prof. Madya Dr. Hj Arbak Othman dan Dr. Normadiyah Syeikh Said yang sudi berkongsi pengetahuan yang luas selama ini. Begitu juga lain-lain kakitangan akademik serta staf-staf di FBMK iaitu Puan Siti Zunainah, Puan Siti Salmiha, Puan Siti Ramnah, Puan Emi Nadia, En Baharudin, En Abd Rahman dan lain-lain yang banyak memberi kerjasama, sokongan dan inspirasi dalam menjayakan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih yang dalam buat Dr Ruziah Ghazali, Dr Mariah Muda, En Muis Shefii, En Aji anak Kasa, Cik Armiyanti, Miss Barbara Jane Cabrera, Pn Ribka Alan, Cik Zaridah Abdullah dan Cik Elise Bujong yang sentiasa kekal berada disisi, sentiasa menemani dalam detik-detik suka duka perjalanan ini, yang juga sekian lama setia membantu meleraikan tekanan dan kecelaruan emosi dalam menghadapi pengajian sehingga ke tahap ini dan tidak jemu-jemu membakar semangat, mendorong dan memahami. Semoga “persahabatan” kita ini akan berkekalan hingga akhir hayat nanti. Terima kasih di atas segalanya.

Ingatan yang dalam buat Allahyarham ayahanda Ibrahim @ Abu Bakar b. Othman dan Allahyarhamah bonda Siti Haji Abdul Latif. Sesungguhnya tanpa kalian berdua anakanda tidak wujud di dunia ini. Begitu juga Allahyarham ayahanda Haji Zainal Abidin Haji Abdul Latif dan bonda Hajjah Siti Salmiah Haji Abdullah, sesungguhnya tanpa jasa kalian berdua anakanda tidak akan “teruja” mencapai kejayaan hingga ke tahap ini. Ya Allah, kasihilah ibubapa kami ini sebagaimana mereka mengasihi hambamu ini semasa kami kecil.

Akhir sekali buat permata hati Muhammad Qeis Fikry, Ain Nur Najwa Atiqah, Ain Nur Najwa Atirah dan Muhammad Azzakhir Mutho’in...“Hati ini mempunyai nyawa untuk mencari noktah kejayaan. Jika ia satu perjuangan, kita akan terus berada di sini...”.

Salam kasih buat semua.

AZIYAH BT. ABU BAKAR

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi sebahagian syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Narimah Ismail, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Jusang Bolong, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 Disember 2008

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

AZIYAH BINTI ABU BAKAR

Tarikh :

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	x
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
BAB	
1 PENGENALAN	1
Latarbelakang Kajian	1
Penyataan Masalah	5
Objektif Kajian	9
Kepentingan Kajian	10
Limitasi Kajian	11
2 SOROTAN LITERATUR	
Keluarga	13
Pola Komunikasi Keluarga	17
Gaya Keibubapaan	21
Tahap Kejelekitan Dalam Keluarga	30
Perkaitan Pola Komunikasi Keluarga Dengan Gaya Keibubapaan Dan Tahap Kejelekitan Keluarga	37
Perkaitan Gaya Autoritarian dengan Pola Komunikasi Keluarga	37
Perkaitan Gaya Demokratik dengan Pola Komunikasi Keluarga	43
Perkaitan kesepakatan dengan pola komunikasi keluarga	47
Perkaitan bertolak ansur dengan pola komunikasi keluarga	49
Perkaitan pernyataan kasih sayang dengan pola komunikasi Keluarga	51
Model Koorientasi	53
Kerangka Konsep Kajian	55
Hipotesis	57
3 METODOLOGI	59
Reka Bentuk Kajian	59
Lokasi Kajian	59
Populasi	60
Persampelan	61
Operasional Pembolehubah	63
Instrumen	65
Pengukuran Pembolehubah Kajian	70

	Prauji Kajian	78
	Pengumpulan Data	80
	Analisis Data	81
	Tinjauan Data	82
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
	Profil Responden Kajian	83
	Pola Komunikasi Keluarga	86
	Gaya Keibubapaan	91
	Tahap Kejelekitan Dalam Keluarga	96
	Perkaitan Pola Komunikasi Keluarga dengan Gaya Keibubapaan Dan Kejelekitan Dalam Keluarga	103
5	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	Ringkasan Kajian	116
	Kesimpulan Kajian	120
	Implikasi Kajian	123
	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	124
	RUJUKAN	127
	LAMPIRAN	
	A. Jadual Populasi Kajian	141
	B. Histogram Ujian Normaliti	142
	C. Kekuatan perkaitan	144
	B. Instrumen Kajian	145
	BIODATA	150

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Item pengukuran pola komunikasi keluarga	67
2	Item pengukuran gaya keibubapaan	68
3	Item pengukuran kejelekitan dalam keluarga	69
4	Skor pengukuran mengikut dimensi pola komunikasi keluarga	71
5	Skor pengukuran dimensi gaya keibubapaan	74
6	Skor pengukuran dimensi kejelekitan dalam keluarga dan tahap kejelekitan keluarga	77
7	Nilai alpha <i>Cronbach</i> instrumen kajian	79
8	Maklumat responden (n=390)	84
9	Taburan responden mengikut pola komunikasi orientasi <i>conversation</i> (n=390)	88
10	Dimensi pola komunikasi keluarga mengikut kategori (n=390)	89
11	Taburan responden mengikut pola komunikasi orientasi <i>conformity</i> (n=390)	91
12	Taburan responden mengikut gaya keibubapaan autoritarian (n=390)	94
13	Dimensi gaya keibubapaan mengikut kategori (n=390)	94
14	Taburan responden mengikut gaya keibubapaan demokratik (n=390)	96
15	Taburan responden mengikut kesepakatan dalam keluarga (n=390)	99
16	Dimensi kejelekitan dalam keluarga mengikut kategori (n=390)	100
17	Taburan responden mengikut bertolak ansur dalam keluarga (n=390)	101
18	Taburan responden mengikut pernyataan kasih sayang dalam keluarga (n=390)	103
19	Taburan responden mengikut tahap kejelekitan dalam keluarga (n=390)	104
20	Perkaitan yang signifikan antara pembolehubah terpilih dengan pola komunikasi keluarga (n=390)	116

BAB 1
PENGENALAN
Latarbelakang Kajian

Perkembangan remaja amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Persekitaran yang terdekat dan terpenting buat remaja ialah keluarga mereka (Zuria, Abdul Razak dan Salleh, 2001). Ini adalah kerana keluarga merupakan institusi paling asas dalam membentuk sikap dan tingkah laku individu.

Menyedari betapa pentingnya peranan yang perlu dimainkan oleh ibubapa dalam pembentukan institusi keluarga, maka komunikasi memainkan peranan yang penting dalam perkembangan sesebuah keluarga. Ini selaras dengan pandangan Nuredayu, Munif dan Che Su (2004) dalam kajian mereka yang mendapati komunikasi yang tidak harmonis dan interaksi yang tidak teratur dalam keluarga menjadi punca kebanyakan remaja terlibat dengan pelbagai masalah atau menjadi delinkuen. Gejala ini amat membimbangkan kerana para remaja kini merupakan bakal pemimpin masa depan yang menentukan kemajuan sesebuah negara.

Dalam usaha untuk membina negara maju, salah satu matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Abdullah Ahmad Badawi, adalah untuk membangunkan modal insan berkualiti dengan menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral tinggi dalam usaha untuk mewujudkan modal insan berminda kelas pertama. Masyarakat "berminda kelas pertama" adalah



masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, dan memiliki kekuatan moral. Ini adalah kerana kejayaan masa hadapan negara bergantung pada mutu modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian. Maka, untuk merealisasikan pembangunan modal insan berminda kelas pertama, kerajaan memerlukan golongan muda yang bermaruah, beridentiti dan berwawasan. Ini kerana dalam sejarah tamadun dunia, golongan muda terbukti menjadi tonggak utama dalam usaha mencipta kejayaan cemerlang kerana kemampuan fizikal dan mental mereka. Golongan remaja merupakan khazanah dan aset penting negara yang perlu dipelihara dan dipastikan bahawa mereka tidak mendatangkan masalah (Abdullah, 2006).

Walau bagaimanapun, gejala sosial seperti pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah, rempit, dan pelbagai kegiatan jenayah yang melibatkan remaja semakin meningkat dan membimbangkan (Lukman dan Zuriana, 2002). Untuk menyokong pembangunan modal insan berminda kelas pertama, fenomena ini perlu ditangani segera di semua peringkat. Lantaran itu Menteri Besar Kedah Dato' Mahdzir Khalid dalam teks ucapan sempena Majlis Sambutan Hari Belia Peringkat Negeri Kedah 2006 menyatakan, penjaan dan pembangunan mutu modal insan dan pembangunan insan itu hendaklah sentiasa diberi perhatian dan seharusnya bermula dari rumah (sedutan ucapan YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman, 2006).

Komunikasi keluarga merujuk kepada interaksi antara individu dalam keluarga yang merupakan aspek paling penting dalam hubungan interpersonal bagi pembentukan keluarga yang baik. Komunikasi keluarga yang berkesan akan mempengaruhi kestabilan rumah tangga supaya apabila wujudnya masalah, komunikasi yang

bermakna dan pemikiran yang terbuka akan membantu mengelak daripada berlakunya konflik seperti penceraian yang membawa implikasi kepada anak-anak. Justeru, komunikasi keluarga masa kini dilihat bukan sekadar satu cara berhubung, tetapi turut juga berperanan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia misalnya komunikasi keluarga dijadikan salah satu alat pengukur untuk mengetahui sejauh mana kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga dapat dicapai (Zakiah, 1995). Zakiah turut menyatakan bahawa komunikasi keluarga adalah asas perpaduan dan keharmonian hidup di dunia ini kerana ia merupakan tuntutan keperluan jiwa yang mengiringi tahap perkembangan manusia. Lantaran itu, komunikasi keluarga merupakan unsur yang amat penting dalam kehidupan manusia (Zakiah, 1995).

Chaffee dan McLeod (1972) menyatakan pola komunikasi keluarga terbahagi kepada dua dimensi iaitu komunikasi orientasi sosio dan orientasi konsep yang kemudiannya dinamakan semula oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1994) sebagai orientasi *conformity* dan orientasi *conversation*. Menurut Koerner dan Fitzpatrick (1997) komunikasi yang berorientasikan *conformity* merujuk kepada keluarga yang menekankan keselarasan dalam kelakuan, nilai dan kepercayaan. Manakala komunikasi yang berorientasikan *conversation* merujuk kepada keluarga yang menggalakkan semua ahli keluarga mengambil bahagian dalam interaksi secara bebas berkenaan topik yang luas.

Chong Wai Leng (1998) menyatakan pola komunikasi keluarga di Malaysia lebih menjejaki semula bagaimana ibubapa kita sendiri berkomunikasi sesama mereka, dan cara ibubapa mereka terdahulu (merujuk kepada datuk-nenek mereka) pula berkomunikasi. Di situ akan terdapat satu pola komunikasi yang boleh berulang di

mana diikuti oleh generasi dan beberapa generasi seterusnya. Misalnya, bapa mempunyai kuasa mutlak dalam membuat keputusan dan keluarga harus menerima dan akur dengan keputusan tersebut biasanya mempunyai bapanya yang bersikap sedemikian juga. Seterusnya pola ini berkemungkinan besar akan diikuti oleh anaknya dan tanpa disedari anak tadi akan menurunkan pola ini kepada anak-anaknya pula. Ini adalah kerana setiap ahli dalam keluarga akan dipengaruhi oleh ibubapa.

Pada hari ini, pola komunikasi keluarga berubah secara selari dengan peredaran masa. Berasaskan pandangan tersebut, Abdul Aziz, Wan Norsiah, Rokiah dan Azmin (2005) mendapati perubahan yang berlaku berpunca daripada kepesatan proses industrialisasi di sesebuah negara termasuk Malaysia. Menurut mereka, individu atau keluarga yang berusaha memodenisasikan diri mereka ke arah pencapaian status sosial yang lebih tinggi iaitu mempunyai pendidikan tinggi dan berpangkat secara tidak langsung akan mencari kebebasan hidup semaksimum mungkin yang seterusnya akan turut mempengaruhi pola komunikasi keluarga. Fenomena tersebut lebih kerap berlaku di kawasan bandar berbanding luar bandar. Berdasarkan kajian lalu, apabila merujuk kepada pola komunikasi keluarga, keluarga di kawasan bandar lebih cenderung menggunakan orientasi *conversation* manakala keluarga luar bandar lebih cenderung menggunakan orientasi *conformity* (Narimah, 1994). Ini menunjukkan keluarga dari kawasan luar bandar masih berpegang dengan ciri-ciri keluarga berstruktur tradisional iaitu mengekalkan hirarki di dalam keluarga.

Namun, Mohamad Nasir dan Noreha (2002) menyatakan dalam menghadapi cabaran globalisasi, ikatan kekeluargaan semakin longgar. Menurut mereka kelonggaran

ikatan kekeluargaan adalah disebabkan oleh nilai-nilai hidup baru yang sering bercanggah dengan yang lama dan tumpuan hanya diberi kepada pembangunan luaran berbanding perkembangan dalaman serta sahsiah seseorang. Pembentukan sahsiah adalah sangat penting kerana ia menjadi ukuran penting untuk menentukan baik atau buruk tingkah laku anak-anak. Hal demikian jika tidak diberi keutamaan, menyebabkan kegagalan ibubapa dalam memperunggulkan peribadi anak-anak yang akan menjadi tonggak masa depan negara. Dalam hal ini dinyatakan bahawa ibubapa lebih menekankan nilai-nilai di luar perkembangan jati diri, lebih bertumpu kepada pencapaian akademik dan pencapaian kemewahan semata-mata. Sementara penerapan nilai-nilai sopan santun dan nilai-nilai kemanusiaan yang murni telah dipinggirkan, dan inilah salah satu punca perubahan dalam pola komunikasi keluarga. Menurut Muhammad Nasir dan Noreha (2002) lagi fenomena meletakkan kekayaan material sebagai tunjang kehidupan dalam sesebuah keluarga mendorong ibubapa pada hari ini bekerja sepenuh masa bagi peningkatan dalam kerjaya. Nilai-nilai dan cara hidup keluarga semakin terpengaruh dengan nilai-nilai cara hidup barat. Pada masa yang sama remaja kehilangan perhatian dan tumpuan yang sepatutnya diberikan oleh ibubapa.

Penyataan Masalah

Institusi keluarga di Malaysia hari ini sedang melalui arus pembangunan yang pesat meliputi pelbagai aspek sosial dan ekonomi (Lukman dan Zuriana, 2002). Sememangnya, amalan kehidupan moden dikatakan telah banyak mengubah corak kehidupan sesebuah masyarakat. Ini dapat dilihat di mana kedudukan institusi keluarga yang amat disanjung dalam masyarakat dahulunya, kini mulai luput ditelan

oleh arus permodenan (Nuredayu, Munif dan Che Su, 2004). Ramai pengkaji mengaitkan faktor perbandaran sebagai salah satu punca menyebabkan perubahan institusi keluarga di mana proses perindustrian, perbandaran, orientasi nilai, norma dan perbezaan budaya serta perluasan institusi lain dalam masyarakat merupakan faktor utama yang mengakibatkan perubahan keluarga (Lukman dan Zuriana, 2002).

Hakikatnya, kelonggaran hubungan dalam keluarga adalah akibat daripada tiadanya komunikasi antara ibubapa dengan anak dan tidak wujudnya komunikasi yang harmonis dan teratur di dalam keluarga. Keadaan tiada komunikasi yang harmonis dalam keluarga ini menjadi faktor yang mendorong kanak-kanak dan remaja terlibat dalam tingkah laku devian seperti melepak, lari dari rumah, merokok, menyalahguna dadah dan melakukan seks bebas serta pelacuran (Lukman dan Zuriana, 2002). Hal seperti ini menggambarkan kejelekitan dalam keluarga menjadi semakin merosot. Kejelekitan keluarga yang merosot akan mencetuskan “persekitaran rumah” yang tidak selesa. Ini yang mendorong remaja lebih senang berada bersama-sama kawan-kawan di luar (Zuria, Abd Razak dan Saleh, 2001). Berdasarkan laporan Wan Kamaruddin (2006), beliau mendapati bahawa segelintir remaja yang terlibat menjadi pelumba jalanan bukan yang datang daripada keluarga bermasalah seperti bercerai dan sebagainya tetapi kebanyakan mereka yang kurang berkomunikasi dengan ibubapa.

Sehubungan itu, satu kajian *longitudinal* oleh Seligman (1995) yang telah dijalankan di Amerika Syarikat mendapati dalam dekad 70-an dan 80-an kadar jenayah semakin meningkat dan umur penjenayah semakin muda. Kajian ini selari dengan satu laporan akhbar yang melaporkan bahawa sejumlah 5,996 remaja pada peringkat

umur 13-18 tahun termasuk empat kanak-kanak yang berumur tujuh tahun telah ditahan kerana terbabit dalam pelbagai kesalahan jenayah termasuk kes bunuh, pecah rumah, samun dan sebagainya sepanjang tahun 2005 (Bernama, 2006). Sementara itu sejumlah kes rogol pada tahun 2001 juga turut melibatkan 155 pelajar yang berumur 16 tahun ke bawah (Dalam Negeri, 2007). Ini menunjukkan bahawa jenayah di kalangan remaja termasuk pelajar semakin membimbangkan.

Oleh itu, untuk memacu Misi Nasional iaitu salah satu matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membangunkan modal insan berminda kelas pertama, penglibatan jenayah di kalangan remaja memberi gambaran bahawa ibubapa perlu memikirkan dan mengambil langkah-langkah untuk menyediakan keluarga yang mampu untuk berdepan dengan pelbagai cabaran terutama dalam era globalisasi yang menghakis nilai-nilai murni kehidupan pada hari ini. Oleh itu, gaya keibubapaan yang positif perlu dikuasai dan kejelekitan dalam keluarga perlu dipertingkatkan oleh ibubapa kini untuk menghadapi cabaran tersebut.

Kesimpulan dari perbincangan di atas, Zainal dan Mohd Sharani (2005) mendapati komunikasi adalah kunci keharmonian hubungan antara ibubapa-remaja. Malangnya, komunikasi ibubapa-remaja menjadi merosot apabila anak-anak menjadi remaja. Menurut Kasmimi (1998) kebanyakan remaja menyatakan mereka kurang berkomunikasi dengan ibubapa berbanding semasa mereka kecil. Dari segi pandangan golongan remaja, ibubapa biasanya tidak mahu mendengar idea mereka kecuali pendapat yang relevan. Pada hal secara dasarnya remaja menjelaskan, mereka sebenarnya mahukan perhatian dan tumpuan sepenuhnya daripada ibubapa. Remaja berharap mereka dapat memberitahu dan berkongsi masalah dengan ibubapa.

Selaras dengan pandangan tersebut, remaja menyatakan ibubapa yang dihormati adalah ibubapa yang memberi peluang kepada anak-anak untuk menyatakan pendapat. Sekiranya pendapat remaja dipenuhi oleh ibubapa dengan memberi perhatian dengan apa yang mereka katakan, remaja menyatakan mereka mendapat kebahagiaan di rumah.

Seterusnya, Zainal dan Mohd Sharani (2005) menyatakan ibubapa yang tidak ambil peduli atau kurang peka dengan peranan dan perasaan remaja akan menyebabkan remaja membesar dengan tidak mengambil tahu perasaan orang lain. Dengan kata lain, keadaan tersebut secara tidak langsung akan membentuk satu perasaan atau sifat yang mereka tidak akan merasa bersalah atau berdosa untuk melakukan pelbagai kesalahan atau jenayah. Justeru, tidak hairanlah dalam kajian Zuria, Abd Razak dan Saleh (2005) didapati bahawa pola komunikasi keluarga yang dingin dan tidak menggalakkan akan menimbulkan impak negatif kepada fungsi dan kesejahteraan ahli keluarga.

Sementara hasil kajian Gerard dan Buehler (1999) menunjukkan antara risiko yang wujud dalam keluarga adalah disebabkan oleh komunikasi keluarga yang negatif. Keadaan ini telah dibuktikan oleh Huang (1999) dan Sisauyhout (2004) yang menunjukkan terdapat perkaitan yang positif antara pola komunikasi keluarga yang mementingkan kepatuhan dengan tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Dapatan kajian yang sama juga diperolehi oleh Nuredayu, Munif dan Che Su (2004) yang mendapati bahawa pola komunikasi keluarga yang tidak mesra dan tidak menggalakkan perbincangan antara anak-ibubapa, mempunyai perkaitan kepada remaja untuk bertingkah laku devian. Ini berdasarkan hasil kajian mereka ke atas

439 orang juvana yang menunjukkan pola komunikasi keluarga yang dingin dan tidak menggalakkan mempunyai hubungan dengan kecenderungan untuk melakukan tingkah laku devian. Selari dengan kajian tersebut, Shahizan, Tsai Chen Chien, dan Saw Hooi Chin (2005) mendapati pola komunikasi keluarga yang sedia ada dalam keluarga menjadi salah satu faktor yang menyebabkan remaja boleh menjadi ganas.

Dengan demikian, pola komunikasi keluarga yang tidak sesuai mengundang kepincangan kepada institusi keluarga. Oleh itu, beberapa persoalan ditimbulkan oleh kajian ini.

1. Apakah pola komunikasi keluarga di kalangan keluarga?
2. Apakah gaya keibubapaan ibubapa?
3. Bagaimanakah tahap kejelekitan keluarga?
4. Apakah perkaitan pola komunikasi keluarga dengan gaya keibubapaan dan kejelekitan dalam keluarga?

Objektif Kajian

Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan pola komunikasi keluarga dengan gaya keibubapaan dan kejelekitan dalam keluarga.

Objektif Khusus kajian ini pula adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti pola komunikasi keluarga responden.
2. Untuk mengenal pasti gaya keibubapaan responden.
3. Untuk mengenal pasti tahap kejelekitan dalam keluarga responden.
4. Untuk mengenal pasti perkaitan antara gaya keibubapaan dan kejelekitan dalam keluarga dengan pola komunikasi keluarga responden.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam menyumbang kepada pemahaman aplikasi model koorientasi keluarga di dalam sesebuah keluarga. Dalam kajian ini, model ini diaplikasikan untuk menerangkan proses dalam membentuk dan membina hubungan dalam keluarga. Oleh demikian, kajian ini ingin melihat sejauh mana kesesuaian model yang digunakan dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang hubungan komunikasi dalam keluarga khususnya pola komunikasi keluarga. Hasil kajian ini dapat mengukuhkan lagi model ini dengan perubahan pola komunikasi masa kini.

Seperti kajian-kajian lain, hasil kajian ini diharap akan menjadi panduan yang dapat memberi manfaat kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang boleh membantu menangani masalah yang berlaku dalam keluarga seperti mengusul satu dasar atau resolusi kepada pihak kerajaan agar membantu meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan komunikasi keluarga. Hal ini dapat dijadikan rujukan dari aspek akademik dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman secara teori dan praktikal mengenai proses komunikasi sesuatu keluarga.

Dari sudut metodologi, aspek yang diketengahkan juga penting sebagai sumbangan kepada dunia penyelidikan dan akademik tempatan. Kebanyakan penyelidik tempatan berkaitan komunikasi keluarga lebih banyak bertumpu kepada konflik keluarga dan pada aspek aplikasi media serta teknologi ke atas pola komunikasi keluarga dan tingkah laku remaja. Oleh yang demikian, kajian ini cuba meneliti secara empirikal proses komunikasi dalam keluarga iaitu melibatkan gaya keibubapaan seperti gaya autoritarian dan gaya demokratik serta kejelekitan dalam keluarga seperti kesepakatan, bertolak ansur dan pernyataan kasih sayang yang boleh mempengaruhi pola komunikasi keluarga. Oleh itu, metodologi ini boleh membuka ruang kepada penyelidik seterusnya untuk mengkaji aspek lain yang berkaitan dengan proses komunikasi dalam keluarga memandangkan kepentingan komunikasi keluarga semakin mendapat perhatian di Malaysia. Dengan itu, kajian ini bolehlah dianggap sebagai salah satu unjuran daripada kajian lepas untuk melihat secara mendalam faktor yang boleh menyumbang dan mempengaruhi pola komunikasi keluarga. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memperkaya literatur tempatan mengenai pola komunikasi keluarga di peringkat tempatan.

Limitasi Kajian

Kajian ini mengenai hubungan antara gaya keibubapaan dan kejelekitan dalam keluarga dengan pola komunikasi keluarga. Kesemua pembolehubah yang dikaji iaitu pola komunikasi, gaya keibubapaan dan kejelekitan di dalam keluarga hanya dinilai dari persepsi ibu atau bapa sahaja tanpa mengambil kira penilaian daripada ahli keluarga yang lain. Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan responden ibu atau bapa yang mempunyai anak berumur antara 6 hingga 18 tahun dan tinggal bersama

ibubapa. Kajian ini dilakukan hanya kepada keluarga yang tinggal di Damansara Damai. Kajian ini tidak dilakukan di kalangan keluarga di luar bandar. Hasil kajian bergantung sepenuhnya kepada jawapan responden yang menjawab setiap soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

Bahagian sorotan literatur ini mengandungi beberapa subtopik yang berkaitan dengan kajian (i) konsep pembolehubah-pembolehubah iaitu pola komunikasi keluarga (pembolehubah bergantung), gaya keibubapaan dan tahap kejelekitan dalam keluarga, (ii) model, (iii) perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bergantung (iv) kerangka konsep kajian dan (v) hipotesis.

Keluarga

Semua manusia memerlukan perlindungan, sokongan dan pengesahan sendiri (Sillars dan Gronbeck, 2001). Keperluan ini tentunya diperolehi melalui hubungan dengan orang yang paling bermakna dalam hidup kita iaitu keluarga.

Menurut Narimah (1994) konsep keluarga adalah satu unit atau sebahagian daripada sistem dalam masyarakat yang terdiri daripada individu yang mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Menurut beliau, keluarga terbentuk hasil daripada ikatan perkahwinan, pertalian darah atau melalui proses undang-undang iaitu pengambilan anak angkat.

Menurut Noller dan Fitzpatrick (1993) keluarga pula boleh dilihat dari tiga bahagian iaitu struktur, orientasi tugas dan proses perlaksanaan.